

MAHATHIR - SOGOSHOSHA  
(I)

1983

SHAH ALAM, 15 NOV (BERNAMA)-- KERAJAAN AKAN MENIMBANG UNTUK MEMBERI GALAKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PERDAGANGAN AM ATAU SOGOSHOSHA YANG MENUNJUKKAN KEUPAYAAN MENAMBAH JUMLAH PERDAGANGAN DAN BILANGAN NEGARA-NEGARA DAGANGANNYA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA HANYA SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMENUHI KEPERLUAN ITU AKAN LAYAK DIPERTIMBANGKAN UNTUK SKIM GALAKAN TERSEBUT.

DENGAN ITU, SYARIKAT-SYARIKAT PERDAGANGAN TEMPATAN HENDAKLAH BERUSAHA MENAMBAH JUMLAH DAN KETUMPATAN PERDAGANGAN DI SAMPING MENINGKATKAN BILANGAN NEGARA-NEGARA URUSNIAGA MASING-MASING, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELANCARKAN PERBADANAN PERDAGANGAN PELBAGAI NEGARA MALAYSIA (MATTRA) -- SOGOSHOSHA MALAYSIA YANG KELIMA.

+SETAKAT BERDAGANG HANYA DENGAN SEBUAH NEGARA LAIN TIDAK BERERTI KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN MEREKA GALAKAN.

+JIKA SESEBUAH SYARIKAT ITU TAHUN INI, MISALNYA, MENJALANKAN PERNIAGAAN BERJUMLAH SATU JUTA TAN METRIK KE BEBERAPA BUAH NEGARA DAN TAHUN DEPAN DENGAN JUMLAH DAN BILANGAN NEGARA YANG SAMA, MAKA ADALAH SIA-SIA UNTUK DIBERIKAN GALAKAN, KATANYA. --LAGI 1812/MD

\*\*\*\*\*  
ZCZC B627

MAHATHIR - SOGOSHOSHA 2 SHAH ALAM

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYUARAKAN TIDAK PUAS HATINYA TENTANG KEMAJUAN SETENGAH-SETENGAH SOGOSHOSHA YANG DITUBUHKAN DALAM NEGARA INI YANG MENURUTNYA MASIH BELUM MENCAPAI KEJAYAAN SEPERTI YANG DIKEHENDAKINYA.

BELIAU MAHUKAN SOGOSHOSHA-SOGOSHOSHA ITU TERLIBAT DALAM PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG DAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI NEGARA INI DARI SEGI PERKAPALAN, INSURAN, KEMUDAHAN SIMPANAN, GUDANG DAN HUBUNGAN SEBERANG LAUT BAGI MEMPERLUASKAN PERDAGANGAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP SOGOSHOSHA-SOGOSHOSHA ITU MENGATASI MASALAH KERUGIAN BERJUMLAH \$7,200 JUTA DALAM PENDAPATAN PERDAGANGAN TAK TAMPAK DISEBABKAN KURANGNYA PERDAGANGAN.

KONSEP SOGOSHOSHA ITU DIPERKENALKAN OLEH PERDANA MENTERI DALAM TAHUN 1980. --BERNAMA 1838/MD